

MEMO

Kepada : Semua Anggota KGMB

Daripada : [Pihak Pengurusan KGMB]

Perkara : Notis Perlindungan Data Peribadi serta Pengakuan dan Kebenaran

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan terhadap ketelusan, pematuhan perundangan, serta perlindungan hak Anggota, bersama ini dikemukakan Notis Perlindungan Data Peribadi serta Pengakuan dan Kebenaran yang berkaitan untuk perhatian dan rujukan semua Anggota. Segala maklumat yang dinyatakan adalah penting bagi memastikan kefahaman yang jelas berhubung pengurusan data peribadi serta terma penyertaan dalam skim Takaful bersama Great Eastern Takaful Berhad yang ditawarkan.

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI:

Privasi anda adalah sangat penting bagi kami. Untuk maklumat penuh mengenai bagaimana data anda dikumpul, digunakan, dizahirkan, hak anda ke atas data peribadi anda, dan cara-cara untuk mengurus pilihan pemasaran anda, sila rujuk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi di [laman web Great Eastern Takaful Berhad](#) atau dapatkan salinan daripada Pegawai Perkhidmatan kami. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan (seperti menghadkan pemprosesan maklumat tertentu, termasuk membatalkan persetujuan untuk menerima maklumat pemasaran), anda boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan di **1 300 13 8338** atau Pegawai Perlindungan Data di GETBDPO@greateastertakaful.com

PENGAKUAN DAN KEBENARAN OLEH ORANG YANG AKAN DILINDUNGI DAN ANGGOTA

Pengakuan dan kebenaran tambahan ini terpakai untuk semua Peserta Takaful dan/atau Orang Yang Dilindungi.

- a. Saya/Kami bersetuju membenarkan Pengendali Takaful untuk melaburkan wang di dalam Dana Tabarru' dan PIA mengikut Prinsip Mudharabah. Sebarang keuntungan pelaburan dari Dana Tabarru' dan PIA akan dikongsi di antara Orang Yang Dilindungi dan Pengendali Takaful manakala sebarang kerugian pelaburan ditanggung oleh Anggota. Perkongsian keuntungan di antara Orang Yang Dilindungi dan Pengendali Takaful ke atas keuntungan pelaburan dari Dana Tabarru' masing-masing adalah berdasarkan kepada kadar 50% dan 50% manakala ke atas keuntungan pelaburan daripada PIA masing-masing adalah berdasarkan kepada kadar 75% dan 25%. Bahagian keuntungan pelaburan, jika ada, bagi Orang Yang Dilindungi akan dikreditkan semula ke dalam PIA selepas setiap tahun kewangan.
- b. Saya/Kami bersetuju bahawa selepas setiap tahun kewangan, Lebihan Pengunderaitan (jika ada) yang terhasil daripada Dana Tabarru' akan diperuntukkan dahulu untuk tujuan kecemasan yang difikirkan wajar oleh Pengendali Takaful sebelum ia dikongsi di antara Orang yang Dilindungi dan

Pengendali Takaful masing-masing dengan kadar 50% dan 50%. Hak Pengendali Takaful ke atas Lebihan Pengunderaitan adalah berasaskan prinsip Ju'alah.

- c. Saya/Kami bersetuju dengan potongan Caj Pendahuluan mengikut prinsip Wakalah bi al Ujrah, yang terdiri daripada kos pengedaran langsung termasuk komisen Pengantara, dan perbelanjaan pengurusan.